

Contohi UiTM jadikan buku Koleksi Minda PM sebagai kurikulum

UM - 5 OCT 2003
SHAH ALAM 4 Okt. — Semua institusi pengajian tinggi tempatan digalakkan mencontohi langkah Universiti Teknologi Mara (UiTM) yang menjadikan buku Koleksi Minda Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad sebagai sebahagian kurikulum universiti.

Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Abdul Aziz Shamsuddin berkata, langkah itu akan disokong sepenuhnya oleh kementeriannya kerana buku berkenaan mampu menjana pemikiran siswazah kepada peringkat yang lebih proaktif dan positif.

“Cetusan koleksi minda Dr. Mahathir boleh dijadikan sebagai pengubah pemikiran rakyat Malaysia termasuk golongan siswazah ke arah yang lebih dinamik dari aspek mental, fizikal dan falsafah hidup.

“Pada masa sama, para peng-

kaji pemikiran Dr. Mahathir yang jauh ke depan ini boleh menjadikan mereka terus maju dan berdaya saing dalam mengharungi arus pesat globalisasi masakini,” katanya.

Beliau menyatakan demikian ketika berucap pada Majlis Perasmian Penyerahan Buku Terjemahan Koleksi Minda Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad di UiTM di sini, malam tadi.

Sementara itu, Naib Canselor UiTM, Datuk Seri Prof. Dr. Ibrahim Abu Shah berkata, majlis yang serupa telah dilaksanakan di kampus-kampus cawangan UiTM dalam usaha merealisasikan penyebaran koleksi minda Dr. Mahathir.

Katanya, galur pemikiran dan analitikal serta wawasan pemimpin unggul negara itu menyingkap banyak pendekatan prakti-

kal untuk menangani gejala-gejala yang sedang menghambat seluruh dunia ketika ini.

Jelas beliau, dengan itu pihaknya berharap orang ramai dan golongan muda seperti mahasiswa UiTM khasnya yang bakal menjadi pemimpin masa depan dapat mendekatkan diri dan menyelami pemikiran Dr. Mahathir.

“Sekiranya sebelum ini banyak kajian mengenai pemikiran pemimpin unggul lain di dunia seperti Mao Tze Tung diadakan kenapa sebagai rakyat Malaysia kita tidak membuat perkara yang sama untuk Dr. Mahathir.

“Malah saya berpendapat, Perdana Menteri kita ini perlu diberi perhatian yang lebih serius kerana pemikiran beliau sebenarnya lebih baik daripada idea pemimpin Barat,” ujarnya.